



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**SEMESTER 1
SIDANG AKADEMIK 2021/2022**

PPK332: PENDIDIKAN KHAS PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK

**TUGASAN GANTIAN KEPADA PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1, SE SI
2021/2022**



**NUR ATHIRAH BINTI CHE ZAMBELI
148249**

NAMA PENSYARAH: DR LOW HUI MIN

TARIKH: 16 FEBRUARI 2022

1. Sam ialah seorang budak Sindrom Down berumur 2 tahun. Pilih TIGA (3) aktiviti intervensi yang sesuai untuk Sani mengikut domain perkembangan yang berbeza. Untuk setiap aktiviti, ulaskan

- i. Fungsi aktiviti
- ii. Langkah pelaksanaan aktiviti

Pengenalan

Sindrom Down atau *Down Syndrome* boleh didefinisikan sebagai ketidakupayaan yang disebabkan genetik dan tidak boleh diubati dengan ubat-ubatan tradisional mahupun perubahan moden. Ia terjadi disebabkan oleh ketidaknormalan kromosom dimana terdapat kromosom tambahan pada pasangan kromosom nombor 21 pada seorang kanak-kanak. Tiga salinan kromosom 21 (biasanya hanya dua salinan) terdapat dalam setiap satu sel. Individu yang menghidapi Sindrom Down biasanya mempunyai tahap IQ yang lebih rendah berbanding individu normal. Di samping itu, Sindrom Down turut berlaku dengan ketidakupayaan lain seperti kerencatan akal dan kerencatan perkembangan fizikal. Kanak-kanak Sindrom Down biasanya boleh dikenali melalui wajah mereka yang hampir serupa.

Antara ciri fizikal yang dapat dilihat pada kanak-kanak Sindrom Down adalah mereka mempunyai saiz kepala yang kecil, lidah terjelir dan kedudukan mata sedikit ke atas dengan mata yang sepet. Selain ciri-ciri fizikal tersebut, ciri-ciri seperti kognitif, akademik, sosial dan emosi juga turut dikaitkan dengan kanak-kanak Sindrom Down. Antara ciri-ciri kognitif yang dapat dilihat pada kanak-kanak Sindrom Down ialah berkaitan dengan ingatan, generalisasi, metakognisi dan bahasa. Kanak-kanak ini biasanya mempunyai masalah dalam ingatan seperti kerap terlupa yang sepatutnya diingati dan lupa perkara yang baru diajar. Sekiranya mereka menghadapi sesuatu masalah dalam rutin harian, mereka akan menghadapi kesukaran menyelesaikannya. Kebanyakan daripada mereka juga mengalami perkembangan bahasa yang lambat. Selain itu, kanak-kanak Sindrom Down juga mempunyai masalah dalam hubungan sosial. Mereka kurang diterima oleh rakan sebaya disebabkan kerana mereka biasanya berkelakuan tidak matang, tidak dapat menyesuaikan diri dalam situasi sosial sehingga seringkali mereka salah faham mentafsir tingkah laku atau komunikasi lisan kanak-kanak lain. Namun begitu, mereka juga biasanya agak manja dan mudah mesra. Mereka memerlukan perhatian akibat perasaan kesunyian dan sensitif. Walau bagaimanapun, terdapat intervensi aktiviti yang boleh dilaksanakan mengikut domain perkembangan dalam membantu pembesaran kanak-kanak Sindrom Down.

INTERVENSI AKTIVITI

Sani yang merupakan budak Sindrom Down boleh diberi perhatian dengan menjalankan aktiviti yang sesuai mengikut umurnya. Aktiviti permainan sangat penting untuk membantu pembesaran Sani. Ia akan dapat membantu Sani memahami mengenai kehidupan. Intervensi aktiviti juga dapat membantu Sani supaya menjadi lebih terbuka dan berkeupayaan memahami hubung kait, sebab dan akibat sesuatu perkara. Berikut adalah intervensi aktiviti mengikut domain perkembangannya yang dapat membantu Sani dalam perkembangan dan pembesarannya. Aktiviti yang boleh membantu perkembangan sosioemosi Sani adalah aktiviti memadankan ekspresi wajah dengan emosi. Fungsi aktiviti ini adalah untuk melatih Sani mengenal pasti emosi yang ditunjukkan dalam persekitaran sosialnya. Hal ini sangat penting bagi memastikan Sani dapat berinteraksi dan bersosial dengan masyarakat di sekeliling dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila Sani dapat membaca ekspresi wajah yang dipamerkan oleh seseorang, Sani dapat mengetahui emosi yang ditunjukkan oleh seseorang. Jadi, Sani akan menunjukkan tingkah laku yang sesuai dengan emosi seseorang tanpa menimbulkan masalah dan mudah untuk bergaul dengan rakan-rakan di sekolah. Sebagai contoh, apabila Sani dapat membaca raut wajah ibu tidak senyum menandakan sedang marah, Sani akan berkelakuan baik kerana mengetahui perkara yang dilakukannya adalah salah sehingga ibu marah. Langkah permainan aktiviti ini adalah guru boleh menyediakan kad manila yang mempunyai ekspresi wajah seperti senyum, menangis, bengis dan lesu. Ibu akan mengangkat kad manila ini dan meminta Sani meneka emosi yang ditunjukkan mengikut ekspresi wajah tersebut sama ada marah, sedih, gembira atau penat. Sekiranya Sani dapat meneka dengan betul, ibu boleh memberitahu perkara yang membuatkan seseorang menunjukkan emosi tersebut. Sebagai contoh, ibu boleh memberitahu ibu akan marah jika Sani tidak mahu makan. Hal ini tentunya akan membantu Sani mengenalpasti emosi orang lain dan juga emosi Sani sendiri.

Selain itu, intervensi aktiviti yang dapat membantu perkembangan motor halus dan motor kasar Sani adalah dengan mendengarkan muzik kepada Sani. Muzik boleh membantu Sani membangun dan meningkatkan perhatian. Ia juga dapat membantu menguatkan otot Sani. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa mendengar lagu, Sani akan melakukan aktiviti dan pergerakan yang pelbagai seperti bertepuk tangan, mengikut irama, melompat, menggerakkan tangan ke atas dan sebagainya. Pergerakan ini dapat membantu Sani mengimbangkan kedudukannya dan menguatkan otot kaki Sani. Aktiviti ini boleh dilakukan dengan ibu akan memasang muzik yang ceria dan mengajak Sani menari bersama. Gaya muzik haruslah berbeza

dan bertukar-tukar. Sani diberi kebebasan untuk bergerak dan membuat pergerakan mengikut kehendaknya sendiri. Untuk lebih menarik, muzik disarankan bermula dengan memperlihatkan irama lambat terlebih dahulu dan berakhir dengan irama rancak. Dengan cara ini, tahap kesukaran akan meningkat. Semasa melakukan pergerakan juga, Sani dibenarkan untuk menggunakan barangan sebagai prop. Hal ini dapat melatih kekuatan tangan dan kaki Sani dengan memegang sambal menari. Aktiviti ini bukan sahaja dapat melatih kemahiran motor halus dan kasar Sani, malah ianya juga dapat membantu Sani meningkatkan kemahiran bahasa dengan mendengar lagu sambil menyanyi dan menari. Sani dapat memperoleh perkataan-perkataan baharu dalam muzik lagu tersebut.

Perkembangan kognitif Sani dapat dibantu dengan menjalankan aktiviti permainan menyusun barang mengikut bentuk dan warna. Aktiviti ini membantu merangsang minda dan kognitif Sani kerana memerlukan Sani untuk berfikir dalam mengenalpasti warna dan bentuk yang sama. Apabila Sani dapat membezakan warna dan bentuk yang berlainan, hal ini secara tidak langsung membantu Sani mudah untuk membezakan nilai wang apabila Sani belajar mengenal nilai wang. Hal ini kerana Sani sudah pernah diberi pendedahan tentang warna dan bentuk yang berbeza. Contoh aktiviti adalah menyusun blok kayu mengikut bentuk dan warna. Cara pelaksanaan permainan ini adalah dengan Sani perlu menyusun blok-blok kayu mengikut bentuk sama ada bentuk bulat, segitiga, empat segi atau bulat. Sani juga perlu menyusun blok tersebut mengikut warna yang sama. Aktiviti ini merangsang Sani untuk berfikir di samping membantu Sani untuk mengira bilangan blok kayu yang ada. Selain itu, aktiviti ini berfungsi menguatkan otot tangan dan bagus untuk koordinasi mata dan tangan. Permainan ini juga secara tidak langsung dapat menambah perkataan untuk Sani kuasai seperti bentuk-bentuk, dan warna yang ada. Hal ini membolehkan Sani melihat sekelilingnya yang mempunyai pelbagai bentuk dan pelbagai warna yang ada. Perkara ini dapat menambah pengetahuan dan pendedahan awal kepada Sani.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan dalam membantu kanak-kanak Sindrom Down seperti Sani menghadapi dunia luar dan persekitaran sosial. Mereka ini seharusnya diberi peluang untuk bersosial seperti individu normal tanpa perlu menyisihkan dan membezakan mereka. Intervensi aktiviti sangat penting dalam membantu meningkatkan perkembangan dan kefungsiian kanak-kanak Sindrom Down. Oleh itu, kanak-kanak Sindrom Down memerlukan lebih bimbingan dan sokongan daripada orang dewasa dalam membantu perkembangan pembesaran mereka. Intervensi aktiviti ini perlu diberi

perhatian secara berterusan oleh semua pihak termasuk keluarga, guru dan juga masyarakat supaya mereka berasa disayangi, diberi perhatian dan gembira.

RUJUKAN

- ML, A. (2019, March 28). *Ibu Kongsi 10 Aktiviti Sensori Anak Dua Tahun, Guna Barang Ada Di Rumah*. Retrieved from <https://www.majalahpama.my/ibu-kongsi-10-aktiviti-sensori-anak-2-tahun-guna-bahan-yang-ada-di-rumah-paling-penting-anak-seronok-1/>
- Mohd Zuri Ghani, A. C. (2011). *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.